

## SEKTOR PERPUSTAKAAN BERGERAK

### SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Adakah perkhidmatan Perpustakaan Bergerak (PB) beroperasi sepanjang tempoh PKP?
  - Tidak. Perkhidmatan PB tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP ekoran arahan penutupan semua sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Bilakah perkhidmatan PB akan mula beroperasi?
  - Perkhidmatan PB akan mula beroperasi setelah sesi persekolahan dibuka semula. (Tertakluk kepada arahan daripada Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa)
3. Bagaimanakah para pelajar boleh memulangkan buku yang dipinjam sebelum tempoh PKP dilaksanakan?
  - Para pelajar/peminjam boleh memulangkan buku yang dipinjam setelah sesi persekolahan bermula dan perkhidmatan PB mula beroperasi
4. Adakah para pelajar akan dikenakan sebarang caj/denda di atas kelewatan memulangkan buku yang dipinjam?
  - Tidak. Tiada sebarang caj/denda akan dikenakan ke atas peminjam yang lewat memulangkan buku sepanjang tempoh PKP.
5. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya buku yang dipinjam hilang?
  - Para pelajar/peminjam perlu membayar ganti buku tersebut mengikut harga buku yang telah dihilangkan.
6. Adakah pihak PB menjalankan pemeriksaan suhu ke atas semua pelajar sebelum memasuki bas?
  - Ya. Pemeriksaan suhu akan dibuat di pintu masuk bas dan pihak sekolah akan menyediakan senarai maklumat pelajar sebagai rekod pelawat.
7. Apakah langkah yang diambil oleh pihak PB bagi memastikan keselamatan setiap pelajar yang datang?
  - Pemakaian topeng muka adalah digalakan bagi setiap pelajar atas tanggungan sendiri manakala pekerja adalah diwajibkan.
  - Penggunaan *hand sanitizer* kepada semua pelajar sebelum memasuki bas
  - Pembersihan dan sanitasi secara berkala dibuat oleh pekerja